

Saranan HAMKA terhadap Perpaduan Bangsa Serumpun Malaysia – Indonesia

HAMKA Recommendation for Malaysia – Indonesia Homogenous Race Unity

KAMARUL BAHARIN A. KASIM & ASYAARI MUHAMAD

ABSTRAK

Hamka adalah tokoh Nusantara yang sinonim dengan gelaran ulama dan menulis lebih dari 100 buah buku dalam pelbagai bidang. Bukan setakat sifat ulamak yang menjadikan beliau dikagumi tetapi kemampuannya sebagai pemimpin, penulis, pemikir, pujangga dan pejuang bangsa menjadikannya milik masyarakat Nusantara. Penulisan ini akan memperlihatkan bagaimana sifat keperibadian dan karisma Hamka dalam memperjuangkan penyatuan bangsa serumpun Malaysia-Indonesia berdasarkan ilham dan cita-cita sepanjang kehidupannya. Timbulnya isu-isu yang menggugat keharmonian kedua negara ternyata telah mencabar semangat serumpun yang diwarisi sejak ratusan tahun. Roh dan semangat serumpun semakin meminggir malahan tidak disedari oleh sebahagian generasi baru kerana identiti negara bangsa yang bersifat patriotik. Hamka telah menyedari bakal berlakunya pemecahan identiti bangsa dan kerosakan terhadap nilai serumpun sekiranya tidak dipertahankan oleh Malaysia dan Indonesia. Melalui kajian dan mengabstrakkan hasil-hasil karya Hamka sama ada dalam bidang sejarah, politik, novel, falsafah, tafsir dan biografi, beberapa elemen yang menyatukan bangsa serumpun akan dilihat sebagai bukti bahawa Hamka mempunyai cita-cita dan misi dalam menyatukan bangsa serumpun. Melalui penulisannya, Hamka menjadikan Melaka sebagai lambang kejatuhan bangsa serumpun di samping memperjuangkan pemikiran agama sebagai penyatuan. Selain perjuangan menangkis pengaruh luar yang melemahkan bangsa, Hamka menjadikan bahasa, tulisan dan sastera sebagai lambang penyatuan bangsa serumpun. Penolakan terhadap sikap sentrik dan pengukuhan identiti bangsa serumpun merupakan perjuangan dalam memastikan umat Melayu dan Islam di kedua negara bersatu. Jumpaan terhadap perjuangan Hamka melalui karya dalam bidang sejarah, bahasa, budaya dan agama ini boleh dijadikan panduan dalam konteks negara serumpun bagi memastikan perhubungan negara bangsa yang lebih harmoni dan beridentitikan dunia Melayu.

Kata kunci: Hamka; Nusantara; bangsa serumpun; Malaysia; Indonesia

ABSTRACT

Hamka is a Malay archipelago figure that is synonymous with the soubriquet theologian and has written more than 100 books in various fields. It is not only his theologian traits that has made him admired but his ability as a leader, writer, thinker, poet and race champion that makes him belong to the Malay archipelago community. This writing will show Hamka's personality and charisma in championing the unification of the Malaysia-Indonesia homogeneous race based on inspiration and aspiration throughout his life. The emergence of issues threatening the harmony of the two nations have indeed challenged the homogeneous spirit that have been inherent for hundreds of years. This homogeneous spirit and morale has been increasingly sidestepped even going unnoticed by some of the new generation because of the patriotic nature of the nation state identity. Hamka has realised the potential fragmentation of racial identity and damage to homogeneous values should it not be defended by Malaysia and Indonesia. Through studying and abstracting Hamka's works whether in the field of history, politics, novels, philosophy and biographies, several elements that unites the homogeneous race will be seen as evidence that Hamka had an aspiration and mission in uniting the homogeneous race. Through his writings, Hamka made Malacca the symbol of the fall of the homogeneous race while simultaneously, championing religious thinking as a unifier. Other than fighting to fend off external influences debilitating the race, Hamka made language, writing and literature as a symbol of homogeneous race unification. His repudiation of the centric attitude and his strengthening of the homogeneous race identity is a struggle in ensuring that the Malays and the Muslims in both nations are united. The discovery of Hamka's struggles through works in the fields of history, language, culture and religion can be used as a guide in the context of a homogeneous nation in ensuring that the nation-state relations is more harmonious and with the Malay world identity.

Keywords: Hamka; Nusantara; homogenous race; Malaysia; Indonesia

PENGENALAN

Secara sinonimnya, dua negara berjiran iaitu Malaysia dan Indonesia telah diikat dengan istilah ‘serumpun’ iaitu berada dalam satu lingkungan kekeluargaan yang sama. Mengimbis sejarah dan tamadun di Nusantara kedua-dua negara ini memperlihatkan satu kesatuan gugusan yang erat serta kaya dengan pelbagai tradisi kebudayaan dan warisan. Mewarisi ketamadunan kerajaan awal seperti Sriwijaya, Majapahit hingga melangkaui kerajaan Melayu Melaka, Johor – Lingga, Samudera – Pasai dan sebagainya memperlihatkan hubungan yang jelas antara kedua-dua negara. Kedatangan kolonial Barat dalam tempoh yang hampir sama ke Nusantara ini dan di dominasi secara total oleh Inggeris dan Belanda pada abad ke-19, perjuangan mencapai kemerdekaan dan pemerintahan sendiri telah melahirkan dua buah negara bangsa yang berdaulat iaitu Malaysia dan Republik Indonesia.

Pembentukan negara bangsa ini secara tidak langsung telah mewujudkan identiti negara masing-masing sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial. Perjuangan nasionalisme semasa dan persaingan untuk membangunkan negara adakalanya menimbulkan sedikit kekecewaan terhadap semangat bangsa serumpun yang sering diucapkan oleh kedua pihak. Terdapat konflik dan isu semasa yang dibangkitkan sama ada berkaitan isu sempadan, tenaga kerja, budaya dan harta intelek dan sebagainya. Persoalannya, adakah kedua-dua negara ini bakal menjarak dari segi persefahaman dan menghilangkan status bangsa serumpun ini? Walaupun dari semasa ke semasa sentiasa diikhtiarkan keharmonian politik oleh kedua-dua negara, namun kemampuan menghalang pelbagai anasir dan penyebab perbalahan mungkin tiada hentinya. Lahir dari senario itu, titik persamaan perlu dicari berdasarkan pandangan tokoh yang melepasi sempadan negara bangsa dan masih memandang penduduk kedua-dua negara sebagai serumpun. Salah seorang tokoh yang sangat kuat memperjuangkan perpaduan bangsa serumpun ini adalah Haji Abdul Malik Karim Amrullah ataupun dikenali sebagai Buya Hamka (dikenali juga sebagai Allahyarham Buya Prof. Dr. Hamka). Beliau dianggap tokoh yang berpandangan luas dan mencakupi pelbagai bidang dalam *Malay world-view* serta meninggalkan banyak idea bernas yang mampu menyemarakkan konsep dan maksud istilah bangsa serumpun.

PERJALANAN ILMU BUYA HAMKA

Almarhum Buya Hamka dilahirkan di Tanah Minang, Sumatera Barat, Indonesia tetapi disanjung serta disegani di seluruh rantau Melayu Nusantara khususnya di Malaysia dan Indonesia.¹ Kehebatan dan pengaruhnya sebagai antara tokoh terulung di Nusantara melayakkan pemikiran dan saranannya untuk difahami dalam perpaduan bangsa serumpun. Beliau sudah dianggap seperti ayah kepada bangsa Melayu di rantau ini dan sewajarnya anjuran beliau dijadikan panduan dan rujukan bagi merealisasikan pengertian sebenar berkaitan bangsa serumpun. Perjuangan Hamka melalui perantaraan sejarah, bahasa, budaya dan agama telah memberikan satu maksud yang jelas tentang pentingnya perpaduan antara kedua-dua negara. Secara realitinya, beliau bukan sahaja seorang ulama dan pendakwah, namun seorang sejarawan, budayawan, pemikir dan pencinta bangsa yang melepasi sempadan tempat kelahiran dan negaranya.

Kebolehannya berceramah amat mengagumkan banyak pihak melalui tutur bahasa yang indah disulami ungkapan, bidalan, petikan hadis dan al-Quran serta laungan semangat terhadap jati diri bangsa. Beliau juga terkenal dengan penghasilan banyak tulisan dalam bentuk artikel, buku, novel dan sebagainya, tambahan pula mempunyai pengalaman sebagai wartawan dan ketua editor majalah.² Menulis lebih 118 buah buku yang merangkumi bidang berkaitan persoalan agama, falsafah, sejarah, politik, karya novel, biografi tokoh dan banyak lagi, penulisan beliau memperlihatkan pemikiran yang mendahului zamannya ketika itu. Malahan karya terbesar beliau iaitu *Tafsir Al-Azhar* dan *Sejarah Umat Islam* dianggap berjaya merungkaikan persoalan berkaitan agama serta membawa satu dimensi pemikiran baru terhadap sejarah di rantau ini. Keistimewaan Hamka inilah yang menarik ramai pengkaji, cendekiawan dan ahli akademik, ahli politik, peminat malahan para pengkritik untuk menulis, bercakap dan membuat penelitian terhadap beliau. Hamka bukan sekadar tokoh semata-mata, namun keperibadian dan karismatik beliau sukar dibandingkan dengan mana-mana individu. Menurut Ridwan Saidi (1980) : “Hamka adalah teladan yang tidak cukup dikatakan dengan seribu perkataan. Sebanyak apa pun menuliskan kebaikan Hamka, masih tetap lebih banyak lagi yang tak terungkap”.

Dalam buku Hamka *Kenang-kenangan Hidup* banyak mencatatkan peristiwa suka duka perjalanan

hidup beliau sehingga menjadi seorang tokoh yang terkenal. Dilahirkan dalam lingkungan ulama terkenal di Padang, Sumatera, ayahnya Haji Karim Amrullah (HAKAM) yang juga dikenali sebagai Inyik Rasul (Haji Rasul) adalah merupakan salah seorang tokoh Kaum Muda dan tenaga pergerakan Muhammadiyah di Sumatera. Oleh itu Hamka juga sangat berkait dengan perjuangan Muhammadiyah semasa hayatnya. Walaupun dianggap tidak berpelajaran tinggi, namun semangat dan minatnya untuk menuntut ilmu secara tidak formal menjadikan dirinya seorang yang luas pengetahuan. Bermula dengan madrasah ayahnya, Thawalib di Padang Panjang, Hamka mempelajari agama dan bahasa Arab secara berperingkat. Dalam masa yang sama kecenderungan dan minat beliau terhadap kebudayaan dan sejarah merupakan satu pembentukan jati diri yang sangat menebal di jiwanya.

Hamka berguru dengan ramai tokoh kenalan ayahnya, termasuk berkelana bersendirian untuk menuntut ilmu. Antaranya ialah ulama besar, Syeikh Ibrahim Musa di Parabek, abang iparnya A.R Sutan Sutan Mansur,³ HOS Cokroaminoto (bidang Islam dan Sosialisme), R.M Suryopranoto (bidang Sosiologi), H. Fakhrudin (bidang agama) dan ramai lagi. Kesempatan beliau ke Mekah dalam usia 19 tahun digunakan untuk menelaah berbagai jenis kitab selain memfasihkan bahasa Arabnya. Sifatnya yang suka mencari kawan termasuk di Mekah membolehkannya berkenalan dan mendekati Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi (guru ayahnya)⁴, Syeikh Abu Samah⁵, Kiyai Haji Agus Salim⁶, Kiyai Balai⁷, Tuan Yanan Taib dan ramai lagi. Kesemua ini membolehkan Hamka mendapat lebih banyak guru agama untuk dirujuk dan menambah luaskan lagi ilmu beliau. Abang iparnya A.R Sutan Mansur pernah menulis:

... Dari kecil dalam diri Abdul Malik Karim Amrullah memang sudah ada tanda-tanda akan menjadi orang besar. Kata dan fikirannya selalu didengar oleh teman-teman sebayanya, menjadikan dia selalu menonjol dalam pergaulan⁸...

Sememangnya Hamka itu membina ilmu dengan belajar sendiri dari madrasah ke madrasah, dari seorang guru ke seorang guru, dari buku ke kitab dalam kutubkhanah serta pengamatan dan kesedaran yang tinggi selain keupayaan beliau menghafal dan daya ingatan yang sangat kuat. Para pengagum dan pengkritik tidak dapat menolak kebolehan beliau mencapai kejayaan secara *autodidactic*. Hamka sendiri pernah menyentuh hal ini sewaktu membalas surat kepada salah seorang anak murid beliau :

... tetapi bagaimana jua pun, tidaklah dapat saya sembunyikan bahawa saya tidak bersekolah. Dari sekolah Dasar kelas 2 sudah keluar, hingga tidak tamat. *Titel* doktor yang saya terima, baik Al-Azhar University atau Universiti Kebangsaan Kuala Lumpur tidaklah kerana mengemukakan satu disertasi. Hanya penghargaan atas jasa membanting tulang menuntut ilmu.⁹

Melihat keperibadian Hamka, sememangnya beliau lebih suka menuntut ilmu mengikut cara beliau sendiri. Sewaktu berumur 12 tahun, Hamka pernah belajar bahasa Inggeris dengan Sutan Marajo, namun tidak habis kerana gurunya berpindah tempat. Beliau juga banyak menghabiskan masa membaca buku cerita dari perpustakaan sewa Zainora kepunyaan Engku Zainuddin Labai dan Engku Bagindo Sinaro. Menurut Shamsul Nizar:

... Melalui perpustakaan Zainora, Hamka diizinkan membaca buku-buku yang ada di perpustakaan tersebut. Di sinilah ia berkesempatan membaca bermacam-macam buku, mulai agama, filsafat sampai sastera.¹⁰

Pernah ayahnya (HAKAM) terlihat beliau membaca bahan-bahan tersebut terutama buku-buku cerita hingga tidak menyenangkan hati ayahnya. Maka terkeluarlah pertanyaan dari ayahnya:

... apakah engkau akan menjadi orang alim nanti atau akan jadi tukang cerita?

Walaupun akhirnya Hamka lebih sinonim dengan gelaran ulama, namun di dalam bukunya *Kenang-kenangan Hidup* menyatakan bahawa jika dikatakan beliau dilahirkan untuk menjadi ulama itu adalah lebih tepat, namun beliau sendiri pula sebaliknya lebih suka dikatakan pengarang berbanding gelaran ulama!¹¹

PENULISAN HAMKA

Hamka dianggap seorang penulis yang prolific dan menghasilkan banyak karya dalam pelbagai bentuk. Hasil karyanya yang pertama ialah kumpulan pidato yang dinamakan *Khatib Al-Ummah*. Perkara ini berlaku pada tahun 1925 apabila beliau kembali dari Tanah Jawa, maka telah diadakan kursus berpidato di kalangan kawan-kawannya di surau ayahnya di Padang Panjang. Susulan itu pidato kawan-kawannya telah dicatat dan dijadikan buku yang kemudiannya dicetak dan diberi nama *Khatib Al-Ummah*.¹² Pada tahun 1928 lahirlah novel karangannya yang pertama iaitu *Si Sabariah* yang ditulis dalam bahasa Minangkabau. Tahun berikutnya lahir beberapa buah buku karangannya iaitu *Pembela Islam*, *Adat*

Minangkabau dan Agama Islam, Kepentingan Melakukan Tabligh, Ringkasan Tarikh Umat Islam dan Hikmat Isra' dan Mikraj. Secara perlahan-lahan mulai 1936 kelihatan Hamka mampu melahirkan penulisan persis seorang pujangga bermula dengan penulisan novel terkenal seperti *Di Bawah Lindungan Kaabah* (1936), *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (1937), *Tuan Direktur* (1939), *Di Jemput Mamaknya* (1939), *Di Dalam Lembah Kehidupan* (1939), *Keadilan Ilahi* (1939), *Merantau ke Deli* (1940) dan banyak lagi. Di masa yang sama buku berbentuk falsafah dan agama turut dihasilkan seperti *Tasawwuf Moden* (1939), *Falsafah Hidup* (1939), *Lembaga Hidup* (1946) dan *Lembaga Budi* (1940). Hamka seterusnya menghasilkan karya selepas pendudukan Jepun yang merangkumi bidang agama, catatan perjalanan, biografi diri, falsafah dan *Tafsir Al-Azhar* yang ditulisnya semasa dipenjarakan oleh Presiden Soekarno dianggap karya teragung beliau.¹³

Beliau juga sering diperkatakan oleh para penyelidik sebagai seorang sejarawan. Buku karya sejarah beliau seperti *Sejarah Umat Islam* (empat jilid) sangat memberi impak dari segi rujukan tempatan khususnya buku jilid keempat bahagian tujuh yang bertajuk *Perkembangan Agama Islam di Nusantara*. Ini memandangkan sebelumnya kebanyakan sumber sejarah berkaitan rantau ini bersandarkan sumber-sumber dan penyelidikan barat. Sebaliknya Hamka menggunakan sumber tradisional seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja-Raja Pasai* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Berdasarkan jumlah penulisan yang dihasilkan terlalu banyak yang tersirat ingin dilahirkan dalam menangani isu sosial masyarakat setempat selain kekaburan dalam soal adat dan agama. Namun bagaimana pula Hamka memandang terhadap masyarakat yang terdapat di sekitar rantau ini?

KECENDERUNGAN KE ARAH PERPADUAN SERUMPUN

Episod dalam kehidupan Hamka melengkapkan peribadi beliau yang boleh kita anggap satu tokoh yang boleh dijadikan pedoman dalam mengekalkan perpaduan serumpun. Di saat penulis lain gagal melangkaui sempadan negara atau terhad terhadap semangat nasionalis pada negara bangsa sendiri, Hamka ternyata memimpin masyarakat di luar batasan tersebut. Soal bangsa dan agama dijadikan titik pemateri untuk penyatuan bersandarkan latar belakang sejarah dan asal usul ketamadunan. Sumbangan Hamka terhadap perpaduan serumpun

ini boleh dilihat dari sudut keperibadian, pemikiran, karya, jasa dan bakti, penerimaan di kalangan masyarakat serta keyakinan beliau dalam menjaga hubungan dengan pemerintah di kedua-dua negara. Masyarakat melihat tingkah-laku, menilai pemikirannya dan menghormati tunjuk ajarnya serta membawa pengertian tersendiri kepada anak bangsa.

Jika kekaguman terhadap tokoh yang berpendidikan tinggi dan berkedudukan elit itu memang lumrah, namun kekaguman terhadap Hamka jauh lebih wajar kerana menurut Mochtar Naim (1978):

... Keistimewaan Hamka ialah kerana ia anak alam dan ia berguna kepada alam. Ia tidak pernah duduk di pengurusan tinggi, tetapi dia menjadi professor di pengurusan tinggi. Bagi saya Buya Hamka adalah lambang dari kekerasan hati, ketekunan dan keuletan untuk satu tujuan hidup...

H. Harmoko (1983) turut menyebut :

... keakraban dengan masyarakat senantiasa dibina oleh Buya Hamka melalui pendekatan kultur yang sudah menyatu dengan jiwa dan semangatnya...

Meneliti hasil karya Hamka, beliau berkali-kali menampilkan kesungguhan beliau mengajak masyarakat serantau khususnya dua negara berjiran ini mengenai asal-usul dan persamaan budaya sejak berzaman. Walaupun Hamka menekankan soal keislaman dan berketurunan Minang, namun beliau tidak melihat perkara tersebut sebagai penghalang dalam menyatukan masyarakat di luar lingkungan keturunan dan agamanya. Salah seorang tokoh Kristian Indonesia, Pius Pope (2008) menyatakan¹⁴ :

... Penggemar ceramah Buya tidak terbatas pada umat Islam. Ini saya ketahui sewaktu saya pulang ke Liau, Ende. Di kampung saya yang mayoritas beragama Katholik ternyata tidak sedikit pandangan setianya. Kalau berhalangan siaran kerana ada kesalahan teknis, semua orang menunggu-nunggu. Bukan main.

Tambahnya :

... Sewaktu Buya meninggal, kami semua kehilangan. Ibu saya di kampung juga sedih kerana kehilangan figur yang dapat menjadi pemersatu bangsa...

... Kami semua orang sudah mengikuti khutbah hari minggu yang khusus untuk umat Katholik. Tetapi mereka masih juga merindukan khutbah dari Buya yang meneduhkan dan mententeramkan hati.

Hamka ternyata memegang satu etika yang sangat tinggi dalam penulisannya dan berusaha menyempurnakan hak masyarakat berbilang agama khususnya umat Islam melalui pemikiran beliau. Abdul Rahman Abdul Aziz (2002) turut menyentuh perkara ini:

... Jelas dapat diperhatikan bahawa Hamka adalah seorang tokoh pemikir Islam yang cenderung kepada kedamaian dan perpaduan di kalangan umat Islam.

Medium penyatuan yang paling ketara adalah melalui karya penulisannya. Pembaca karya Hamka memang ramai di Indonesia dan Semenanjung Tanah Melayu. Ketika itu di mana kemasukan bahan cetak masih bebas, karya Hamka dianggap karya tempatan sendiri.¹⁵ Perkara ini pernah diulas oleh Sidi Gazalba (1978) dan A. Aziz Deraman (2001) yang melihat penyampaian buah fikiran tidak cuma dalam konteks kebangsaan Indonesia, tetapi bersifat supranasional sebagaimana gagasan Melayu Raya yang diperjuangkan oleh tokoh-tokoh tertentu di Malaysia (Tanah Melayu) dan Indonesia ketika itu.

Hubungan Hamka dengan Malaysia amatlah rapat dan begitu dikenali melalui siri-siri ceramah di televisyen dan radio. Bapak Rusydi Hamka, anak beliau mencatatkan betapa masyarakat Malaysia amat mengenali bapanya ketika beliau mengiringinya ke Malaysia.¹⁶ Malahan lawatan Hamka yang terakhir ke luar negara sebulan sebelum meninggal dunia adalah di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur pada 1981 dan sempat bertemu dengan Tengku Rithaudin. Keperibadian Hamka yang disenangi oleh masyarakat di kedua-dua negara jelas terpapar apabila setiap perkembangan beliau turut menjadi perhatian bersama termasuk isu peletakan jawatan beliau sebagai Ketua Majlis Ulama Indonesia. Hamka pernah melahirkan bahawa beliau mengasihi umat di Indonesia begitu jugalah di Malaysia. K.H.E Muttaqien (1983) memperkukuhkan kenyataan itu apabila menyatakan:

... Pada waktu berita wafatnya sampai ke Malaysia, seluruh umat muslimin di Malaysia menyelenggarakan sembahyang ghaib, kerana Hamka sangat dicintai kaum muslimin Malaysia. Ketika bulan November 1981, saya berkunjung ke beberapa negara bagian Malaysia, di mana-mana orang bertanya tentang Hamka. Sungguh indah walaupun antara muslimin Malaysia dengan Hamka banyak berbeda faham dalam masalah fiqh tetapi tak ada halangan untuk saling mencintai dan mengakui Hamka sebagai guru dan imamnya.

Keistimewaan Hamka bukan terbatas kepada soal agama semata-mata, malahan persepsi kemelayuan tanpa batas Indonesia – Semenanjung Tanah Melayu (Malaysia) yang beliau garap dalam karyanya menyerlahkan lagi semangat serumpun yang ingin dipupuknya. Sejajar dengan itu Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim pernah menyarankan agar cendekiawan meneroka pemikiran, usaha, peranan dan sumbangan yang boleh diteladani

masyarakat.¹⁷ Ini memandangkan hasil kerja Hamka dapat dijadikan inspirasi kepada perkembangan ilmu di Nusantara. Ibarat ‘biduk penaut kiambang’ iaitu ‘pencantum’ budaya Melayu Malaysia dan Indonesia, Hamka merupakan jambatan dalam menyatukan hubungan kedua-dua negara. Gelaran *integrator man* iaitu tokoh ‘pemersatu’ bagi Malaysia dan Indonesia dalam bidang agama dan budaya amat jelas dalam karyanya.

Karya *Dari Perbendaharaan Lama* memperlihatkan pemikiran yang berhubung rapat dengan falsafah penyatuan bangsa. Buku yang mengandungi 200 halaman dan mempunyai enam bab ini menyerlahkan keprihatinan terhadap bangsa melalui bab empat yang mengkhusus kepada peristiwa kejatuhan kerajaan Melayu Melaka. Bagi beliau kejatuhan Melaka itu adalah detik bermulanya ambang keruntuhan perpaduan bangsa kerana memberi laluan kepada penjajah Barat melalui Portugis, Belanda, Sepanyol dan Inggeris dalam memecahkan identiti dengan kewujudan negara bangsa. Kejatuhan Melaka dilihat permulaan malapetaka yang seterusnya menimpa kerajaan Islam lain di Nusantara. Beliau berulang kali menyebut dalam bukunya di mana antaranya¹⁸ :

... Sesudah Portugis menguasai Melaka (1511), 100 tahun dibelakang ini Kompeni Belanda pula merebut kekuasaan di laut... (Hamka 1963:51)

... Setelah bangsa Portugis dapat memusatkan kekuasaan di Goa (India), dan merebut Melaka, kemudian dapatlah dia meluaskan kekuasaannya sampai ke Maluku... (Hamka 1963:54)

... telah silih berganti bangsa-bangsa kulit putih memerintah Melaka, sejak Portugis, lalu kepada Belanda dan lalu kepada Inggeris... (Hamka 1963:133)

... Kejatuhan Melaka di sudut hati anak Melayu sampai sekarang ini, dipandang sebagai sesuatu perkabungan sejarah yang tidak akan terlupakan... (Hamka 1963:126)

Hamka yang pertama kali melawat Melaka pada 1943, sempat mengarang syair 44 bait bagi mengimbas kenangan kegemilangan kerajaan tersebut yang diberi nama *Di Atas Runtuhan Melaka Lama*. Beliau mengungkapkan keruntuhan Melaka sebagai kejatuhan kerajaan nenek moyang beliau sendiri dan menyifatkan seolah-olah Melaka atau Maninjau itu satu wilayah. Beliau seterusnya mengaitkan semula perpaduan sebangsa dengan menunjukkan atas semangat persaudaraan serumpun yang kemudiannya mendorong raja dari Bugis, Riau, Aceh dan lain-lain turut berusaha merampas semula Melaka dari penjajah. Maka lahirlah pantun:

Jika roboh kota Melaka
 Mari di Jawa kita dirikan
 Jika sungguh bagai dikata
 Badan dan nyawa saya serahkan.

Rangkap pantun ini mengatakan kesediaan orang di Jawa menawarkan diri supaya Melaka dibina semula di Jawa (Indonesia). Hamka membuat kesimpulan:

“... kita anak Melayu yang telah mendirikan Indonesia merdeka ini. Seakan-akan dalam susun permulaan itu kita berkata, bahawa berdirinya Republik Indonesia yang berpusat di Jakarta (Jawa), adalah lanjutan cita kerajaan Melaka yang telah roboh itu!”

Maka menjawabkan putera Melayu di Semenanjung, “Jika sungguh bagai dikata, badan dan nyawa saya serahkan” (Hamka 1963).

Pada tahun 1955 iaitu sewaktu Republik Indonesia telah 10 tahun mencapai kemerdekaan sedangkan Semenanjung masih dalam usahanya merintis jalan kemerdekaan, Hamka menyatakan ‘*Pekikan kemerdekaan Indonesia terdengar ke Semenanjung*’ (Hamka 1963) dan memberi kenyataan bahawa “mereka belum merasa terpisah hati dengan Indonesia” apabila menyentuh tentang Gerakan Kebangsaan Melayu Baru di Semenanjung. Tambahnya dengan penuh harapan:

... Cuma “nasib”lah yang memisahkan selama ini. Dan mereka yakin akan berjumpa kembali. (Hamka 1963)

Perkara ini pernah disentuh sebelumnya apabila beliau ke Melaka. Sekali lagi pada 1946 dan melahirkan sokongan kepada Dr. Burhanuddin Helmi yang terkenal memperjuangkan konsep Melayu Raya iaitu penyatuan antara Semenanjung dan Sumatera, Indonesia.¹⁹ Beliau meluahkan dalam bentuk syair:

Diatas robohan Kota Melaka
 Kita bangunan jiwa merdeka
 Bersatulah Melayu seluruh baka
 Membela hak keadilan pusaka
 (Hamka 1963: 128)

Hamka dalam penulisan buku berbentuk sejarah, saling menekankan betapa pentingnya bangsa di rantau ini (khusus merujuk Malaysia dan Indonesia) untuk bersatu. Beliau beranggapan bahawa apabila musibah menimpa satu pihak, maka pasti akan memberi kesan buruk kepada pihak yang satu lagi. Berdasarkan itulah mereka mesti memahami sejarah nenek moyang, kerana bagi Hamka istilah bangsa Melayu itu merangkumi bangsa-bangsa lain di kepulauan Indonesia dan Malaysia. Malahan

istilah Hamka adalah lebih terbuka sehingga ia menyatakan seluruh bangsa Indonesia adalah orang Melayu (di Malaysia menggunakan istilah Melayu bagi keturunan bangsa Jawa, Minang, Bugis, Rawa, Aceh dan sebagainya). Katanya:

... satu masa nama kita semuanya bangsa Melayu, satu masa lagi nama kita bangsa Jawa, dan baru sejak Sumpah Pemuda 28 Oktober 1928 kita bernama bangsa Indonesia.

Ringkasnya di sini, pada pandangan mata Hamka, Malaysia dan Indonesia merupakan satu entiti yang satu berdasarkan latar belakang sejarah dan budaya. Disebabkan itulah Hamka dengan yakin mengatakan sejarah perjuangan di Indonesia bukan bermula dengan terciptanya Sumpah Pemuda²⁰ pada 1928 atau tertubuhnya Budi Utomo²¹ pada 1908, tetapi lebih awal dari itu yang bermaksud merujuk kepada kejatuhan Melaka pada 1511. Dalam hal ini Drs. A. Mansur (1978) pernah mencatat bahawa Hamka memandang Indonesia dari Tanah Melayu sebagai:

... sebagai negara yang bernaung di satu atap yang bersejarah sama yakni Islam. Dan menghadapi musuh yang sama yakni penjajah.

Perkara ini juga pernah ditegaskan oleh Hamka di dalam ucapannya semasa Seminar Kebudayaan Melayu di Kuala Lumpur pada tahun 1974, berkaitan penyatuan bangsa serumpun. Bagi beliau, pengenalan identiti bangsa berdasarkan negara bangsa (*nation state*) tidak seharusnya dijadikan halangan dalam menanam semangat bangsa serumpun.

BAHASA DAN TULISAN SEBAGAI PENYATU

Hamka merupakan tokoh yang dikenali di Malaysia dan Indonesia sejak tahun 1930-an lagi melalui penghasilan karya yang menggunakan kemurnian bahasa Melayunya yang menambat hati pembaca di kedua-dua negara. Bagi Hamka bahasa yang digunakan di Malaysia dan Indonesia adalah satu, sehingga beliau terasa dekat dengan Malaysia. Ini kerana segala pidato dan karangannya begitu difahami oleh rakyat kedua-dua negara seperti catatan beliau dalam *Kenang-kenangan Hidup* yang dikarang sebelum 1950.

... sehingga tetap terbukti bahawa bahasa itu satu adanya. Sehingga sambutan ke atas diri saya manusia daif ini dari rakyat kedua negara itu sama mengharukan hati saya, kerana cinta saya kepada rakyat kedua-dua negara itu pun sama, tidak lebih tidak kurang, dan tidak berat sebelah.

Seterusnya beliau memperlihatkan kesamaan dengan contoh-contoh seperti rakyat di Ujung Padang sama dengan di Kota Kinabalu, kerumunan mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia sama dengan di Universiti Gajah Mada, membaca khutbah di Masjid Negara sama dengan Masjid Al-Azhar, Jakarta, berziarah ke Seri Menanti, Negeri Sembilan sama dengan pulang ke Batu Sangkar, Padang, Indonesia dan sebagainya yang dihadapinya dengan bahasa yang satu. Beliau turut mengambil contoh tokoh ulama di kurun 17 Masihi dalam bidang Fiqah dan Tasawuf, pengarang di abad ke-20 dan kerajaan besar di Alam Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai *lingua franca*. ‘Bahasa Indonesia lama adalah bahasa Melayu’, itulah yang sering beliau tegaskan berkali-kali dalam setiap tulisan beliau apabila menyentuh asal-usul bahasa Indonesia. Beliau memegang kepada keputusan Kongres Bahasa Indonesia di Medan pada tahun 1954 yang turut dihadiri oleh tokoh bahasa dari Tanah Melayu yang memutuskan bahawa “bahasa Indonesia adalah berasal dan berdasarkan kepada bahasa Melayu”.

Di Indonesia sendiri, Hamka berjuang mempertahankan bahasa Melayu sebagai asas kepada bahasa Indonesia moden selepas merdeka untuk tidak membezakan Tanah Melayu ketika itu.²² Alasannya ialah pendidikan di zaman penjajah sendiri menggunakan bahasa Melayu atas pemahaman mereka tentang bangsa di rantau ini (Yoce Aliah Darma 2011). Jelasnya :

“... daerah-daerah yang menggunakan bahasa Melayu dengan langam daerah. Bagaimanapun dasar bahasa Indonesia adalah bahasa Melayu. Bahasa yang telah menjadi bahasa rasmi sejak dari istana Melaka, Johor, Banjar. Demikian juga di Minahasa dan Ambon, terus ke Ternate dan Maluku seluruhnya, sampai ke Irian Jaya” (Hamka 2009a).

Seterusnya Hamka mengatakan kewujudan yang kadang-kadang dirasakan sebagai dua bahasa di Malaysia dan Indonesia sedangkan hakikatnya tidak sebegitu adalah kerana berlakunya persimpangan sejarah akibat penjajah Barat. Didasarkan itu Hamka sangat menentang penyerapan unsur-unsur bahasa asing ke dalam bahasa Melayu. Perjuangan Hamka mengenai penggunaan Melayu ini juga berkaitan dengan penggunaan istilah kepada wilayah di rantau ini dalam perspektif sejarah, termasuk gelaran oleh orang asing (Barat dan di luar Nusantara) seperti ‘Malay Archipelago’, ‘Melayu Tua’, ‘Gugusan Pulau-pulau Melayu’ dan sebagainya. Maka beliau membuat kesimpulan berikut :

... ialah kerana bahasa Melayulah yang dijadikan bahawa penghubung di antara pulau itu besar dan kecil, sejak ratusan tahun.

Namun begitu Hamka menyedari dari sudut linguistik, bahasa Melayu turut mempunyai warisan sejarah, varian sosial dan varian daerah yang telah menimbulkan perbezaan istilah, maksud dan penggunaan ayat. Beliau memberikan contoh bahasa oleh orang Melaka, Minangkabau, Sunda dan Jawa yang memberi maksud yang berbeza sehingga ada perkataan yang tidak patut di tutur di daerah lain seperti buntut, pantat, butuh dan sebagainya. Kepekaan Hamka terhadap situasi ini membolehkan beliau menjadi penyatu kepada pelbagai kaum yang mempunyai dialek yang berlainan di Nusantara melalui bahasa Melayunya yang santun.

Karya novel Hamka yang mempunyai tema berkisar kepada cinta, adat dan agama seperti *Di Bawah Lindungan Kaabah* dan *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dapat diterima dengan mudah oleh rakyat di kedua negara kerana bahasa yang digunakan Hamka itu sangat fungsional. Pengiktirafan terhadap Hamka dalam bidang penulisan dan bangsa ini amat meyakinkan dalam konteks sebagai platform penyatuan bangsa. Selain syair dan puisi, pantun menurut Hamka adalah sastera asli bangsa Melayu dan berpandukan itulah beliau memasukkan elemen budaya, sosial dan bidalan yang melambangkan jati diri yang sama di kalangan penduduk di kedua-dua negara.

Dalam memperlihatkan jiwa beliau yang melepasi sempadan negaranya dan amat menghampiri rakyat negara ini, beliau sering menonjolkan tokoh wira tanah air seperti Hang Tuah. Malahan beliau mengangkat tokoh agama seperti Syeikh Tahir Jalaluddin yang menetap di Tanah Melayu serta menyentuh nama-nama penulis seperti Tun Sri Lanang, Munsyi Abdullah, Burhanuddin Helmi, Zaaba dan sebagainya. Di dalam buku *Dari Perbendaharaan Lama* beliau juga turut meriwayatkan kisah sejarah dan cerita dongeng tentang tokoh di hampir seluruh wilayah termasuk Tanah Melayu (Malaysia).

Selain dari bahasa, Hamka turut menyarankan agar pemerkaasaan tulisan jawi yang mampu mengekalkan jati diri bangsa. Walaupun karya Hamka diterbitkan dalam huruf rumi (aksara roman) namun beliau tetap memandangi tulisan jawi mampu memperkenalkan identiti bangsa seterusnya mengingatkan tentang persamaan asal-usul. Sebagaimana bangsa lain di dunia yang

mempunyai tulisan masing-masing, maka jawi dianggap sebagai warisan nenek moyang. Di dalam semangat dan aspirasi ‘Satu Bangsa, Satu Bahasa, Satu Tulisan’, beliau terkenang akan zaman di mana menurut beliau:

... ketika itu dari segi bahasa belum berpecah di antara Semenanjung Tanah Melayu, sebab bacaan masih satu. Huruf pun masih satu, iaitu huruf “Melayu” kata orang di sini dan huruf “jawi” kata orang di Semenanjung (Hamka 2009b).

Dari ungkapan beliau yang berulang kali sekali gus menegaskan bahawa pada waktu dahulu, Malaysia dan Indonesia adalah satu, sehingga sejarah memisahkan mereka. Beliau memperincikan kekhawatiran apabila tulisan jawi tenggelam perlahan-lahan di kedua-dua negara dan menyifatkan penyingkiran tulisan jawi dari bangsa Melayu sama seperti menyentap jantung jati diri bangsa Melayu. Natijah pemencilan tulisan jawi ini disifatkannya seolah-olah memutuskan hubungan dengan warisan nenek moyang dan dengan sendirinya mengikut acuan dan model barat. Apabila warisan ini dilupakan, maka dengan sendirinya kedua-dua negara akan ghairah mencari pemodenan hingga lupa kepada sejarah dan asal-usul yang sama. Tanpa menidakkan pengetahuan perlu ditimba dari bangsa lain di dunia, Hamka sebenarnya lebih inginkan agar masyarakat di kedua-dua negara menghargai naskah nadir dan manuskrip Melayu lama yang ditulis dalam tulisan jawi kerana ia selama ini dikongsi bersama. Begitu juga Hamka mempertahankan penggunaan istilah Arab dalam bahasa Melayu kerana baginya ia mampu memperkaya istilah bahasa Indonesia dan Malaysia tambahan pula pengaruh agama Islam telah lama berada di Nusantara sejak berabad lamanya.

Hamka dengan tegas mengatakan ‘bahasa baru’ yang berdasarkan jelmaan bahasa Melayu mesti berkembang maju namun di perkasa dengan khazanah sendiri dan tidak perlu mencedok dari bahasa lain selagi isi khazanahnya masih ada. Beliau menentang reformasi bahasa yang cuba menggantikan istilah Melayu dengan istilah Sanskrit dan bahasa-bahasa lain kerana ia disifatkan sebagai sentrik dan hanya berdasarkan ketaasuban terhadap etnik masing-masing. Pada pendapat Hamka, hanya bahasa Melayu mampu menyatukan masyarakat di rantau ini. Oleh yang demikian sentrik kesukuan dalam konteks politik, bahasa dan kehidupan perlu dijarakkan dalam minda masyarakat di kedua-dua negara. Pemecahan kesatuan bangsa akan mengakibatkan sifat keterasingan berdasarkan

identiti yang berbeza. Mungkin ada benarnya kebimbangan Hamka itu kerana pada hari ini penduduk Malaysia dan Indonesia tidak ‘menyatu’ dari segi bahasa, perkongsian karya sastera, istilah dan sebagainya kerana tumpuan diberikan dalam membangunkan identiti negara masing-masing mengikut acuan politik yang memerintah. Ironinya, kegagalan untuk berkongsi elemen bahasa dan budaya ini akan mengabur dan menjarakkan pemahaman tentang istilah serumpun dan ternyata merugikan kedua-dua pihak. Justeru, Hamka secara jelas menolak senario sebegini, sebaliknya mahu melihat kedua negara bersatu dalam semua aspek berdasarkan asal-usul yang sama.

HAMKA DI SAMPING KONFLIK DAN ISU

Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua pernah menyifatkan Hamka bukan hanya milik Indonesia, tetapi juga kebanggaan bangsa-bangsa Asia Tenggara khususnya Malaysia. Hamka sendiri sangat terharu apabila menerima penghormatan dari Malaysia pada 1974 sedangkan ketika itu Indonesia sendiri tidak memberi anugerah sedemikian.²³ K.H.Z.E Muttaqien (1983) menyatakan Hamka begitu bangga dengan Malaysia sebagai negara serumpun. Katanya:

... Apabila ada Sidang Senat Guru Besar di UNISBA, beliau suka memakai logo kebesaran yang diterima dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Semasa ancaman Komunis mula menjalar dalam pemerintahan Indonesia di tahun 1940 – 1960-an di saat Indonesia telah merdeka, Hamka melihatnya sebagai amat berbahaya. Baginya ideologi komunis tidak membawa kepada perpaduan sebaliknya akan menghancurkan sesama bangsa kerana perbezaan ideologi. Tidak menghairankan apabila Hamka tidak menyahut laungan ‘Ganyang Malaysia’ oleh Presiden Soekarno di saat penubuhan Malaysia pada 1963. Namun sebaliknya ketika itu beliau telah dianggap pengkhianat negara dan dipenjarakan selama dua tahun empat bulan kerana dianggap bersubahat dengan kerajaan Malaysia.

Walaupun beliau menyokong saranan Soekarno agar rakyat Indonesia mencari keperibadian nasional dan meninggalkan kemelut zaman yang ditiupkan penjajah sebelumnya, namun pandangan beliau adalah jauh dari itu. Baginya bangsa Indonesia perlu menggali dan kembali menjernihkan pandangan bangsa terhadap sejarah bangsa secara jujur dan objektif (Hamka 1963). Menurut Hamka (1963) :

... Rasa kebangsaan boleh mendorong kepada kekuatan dan boleh juga menimbulkan chauvisme, kebangsaan sempit... "yang di awak segala benar yang di orang segala bukan". Rasa kebangsaan yang keterlaluan boleh menimbulkan 'Hitlerisme' dan itulah yang menghancurkan-leburkan...

Hamka menganggap beliau dipenjarakan kerana difitnah oleh puak yang pro-Komunis kerana kelantangan beliau. Sebaik sahaja dibebaskan, Rusydi Hamka (2010) mengatakan:

... sejak keluar dari tahanan tahun 1966, pengembaraannya semakin padat dan semakin jauh pula. Ke Malaysia boleh dikatakan hampir setiap tahun, kadang-kadang lebih.

Kekerapan beliau melawat Malaysia mungkin kerana sambutan masyarakat yang memberi lebih makna dan kegembiraan kepadanya. Malahan Hamka merasakan datang ke Malaysia seperti 'pulang ke kampung sendiri'. Perkara ini tidak menghairankan kerana ketika zaman revolusi sedang bergelora dan Hamka berjuang menentang Belanda secara gerila, beliau memilih Tanah Melayu sebagai tapak meneruskan perjuangan. Rakan seperjuangan beliau H. Ihsanuddin Ilyas (1978) ada menulis:

... Terhadap saya beliau berpesan, agar ikut bersedia menjaga ummi sepeninggalan beliau. Beliau bermaksud dan merencanakan akan ke luar negeri, atau Malaya untuk meneruskan perjuangan, kerana lapangan sudah sempit.

Perjuangan Hamka menyatukan masyarakat di Malaysia dan Indonesia turut dilihat bila berlaku polemik agama. Sebelumnya di Indonesia menjelang kempen pilihanraya, pihak komunis sering membangkitkan isu Wahabi dan pertapakan Wahabi dan Masyumi yang dipimpin oleh Hamka. Ini dikatakan mempengaruhi mufti Johor iaitu Tuan Mufti Datuk Sayyid Alwi bin Takir al-Haddad yang kemudiannya menulis dalam media cetak *Semenanjung* keluaran 14 Julai 1958. Pertuduhan terhadap Hamka yang disamakan dengan Kaum Muda di Turki serta dikaitkan ajaran Qadiani serta menyentuh buku *Ibadat Rasulullah* karangan Hassan Bandung yang dikatakan aliran pemikiran Hamka menjadi isu hangat yang boleh membawa perpecahan umat Islam ketika itu. Bagi menyanggah pandangan Sahibul Samahah Al-Mufti Johor itu, Hamka menjawab balas melalui tulisan yang panjang lebar yang kemudiannya diterbitkan menjadi buku *Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor: Sebuah Polemik Agama* (Hamka 2009c). Hamka telah menjawab pertuduhan itu dengan menjelaskan pelbagai perkara termasuk

komennya terhadap istilah Kaum Muda dan Kaum Tua ketika itu.

Walaupun al-mufti telah mengkafirkan golongan yang dituduhnya, namun Hamka tetap menghormati Mufti Johor kerana menurut beliau:

... *Pertama*, kerana beliau orang yang alim lagi shalih, *kedua*, kerana beliau orang tua, *ketiga*, kerana beliau daripada *ahlu bait*, adanya.

Seterusnya beliau menambah :

... selama kita bertengkar-tengkar berkaum *tua berkaum muda*, agama kita telah terserang dari segala pejuvu... kadang-kadang kita telah berdengki-dengkian, sehingga musuh mudah benar memecah-belahkan kita. Apa guna berkaum muda. Berkaum muslimin saja lebih baik.

Peristiwa ini dilihat bukti kepada sikap prihatin Hamka terhadap penyatuan dan mengelakkan perselisihan pandangan berkaitan agama di kedua-dua negara. Walaupun Hamka mempunyai pengikut yang ramai khususnya di Pertubuhan Muhammadiyah di Indonesia, namun apa yang lebih penting bagi beliau ialah mengelakkan perselisihan terutama yang bukan melibatkan perkara pokok, sebaliknya hanya masalah ranting (*furu'*) dan mengelak berbalah dalam hal *furu'iyah*. Dalam bukunya *Falsafah Hidup* menyatakan:

... patutlah kita bersyukur oleh kerana di negeri kita (Indonesia, Malaya, Siam dan Filipina) umat Islamnya pada pihak geografi adalah satu mazhab belaka. *Mazhab Ahlul Sunnah Wal Jamaah*... walaupun diadakan tuduhan-tuduhan, tidak ada *khawarij* di sini walaupun dibuat-buat fitnah. Kaum Muda pun bermazhab Shafie, kerana memegang dengan kaul Shafie.

Ringkasnya, setiap penulisan Hamka membawa kepada unsur permuafakatan dan menjurus kepada persefahaman. Beliau mengetepikan sentimen kepuakan dan mahu melihat skop serumpun diperluaskan pada skop yang lebih luas iaitu keislaman. Perkara ini turut dinyatakan oleh K.H. Zainal Abidin Ahmad (1983) yang melahirkan kekaguman terhadap pena emas Hamka dan diumpamakan seperti emas yang lebih bernilai dari segala barang lainnya.

KESIMPULAN

Sebagai tokoh penyatu bangsa, Hamka diibaratkan tidak tinggal di Indonesia atau Malaysia, tetapi sebaliknya di hati umat dan bangsa Melayu. 'Melayu' yang disifatkannya sebagai bangsa asli

yang mendiami Nusantara ini sejak berzaman. Adalah begitu ketara segala aspirasi dan cita-cita beliau menjurus kepada perpaduan bangsa dan perkara ini haruslah dihayati oleh bangsa di kedua-dua negara. Beliau berjaya mengadun segala kelemahan dan iktibar dari sejarah silam untuk menyedarkan kepentingan perpaduan demi kebaikan masa hadapan. Penggunaan sejarah sebagai asas penyatuan bangsa dikaitkan melalui kegemilangan kerajaan silam dan mengingatkan tentang perpecahan yang membawa kepada kejatuhan sesuatu bangsa. Baginya sesebuah kerajaan bukan hanya wujud dan berjaya atas kekuatan fizikal dan material tetapi kesatuan dan persefahaman ukhawah merupakan pemerekat yang utama. Dalam ruangan *Dari Hati Ke Hati* di majalah *Panji Masyarakat*, beliau mengingatkan agar sentiasa berwaspada terhadap anasir luar yang dianggapnya sebagai pencerobohan pegangan budaya dan warisan.

Pendekatan beliau yang berbeza dengan ulama 'sezamannya' amat disenangi dan dihormati termasuk di kalangan bukan Islam. Sebagai seorang yang sangat mencintai bangsanya, tentulah Hamka mahu melihat Malaysia – Indonesia sebagai satu bangsa serumpun dan justeru itu beliau berkali-kali mengungkapkan bangsa di Nusantara ini sebagai "satu masa nama kita semuanya bangsa Melayu". Berpegang kepada falsafah Hamka 'banyak orang berpendidikan tinggi formal, tetapi tidak mempunyai kearifan dan jiwa yang besar. Carilah tokoh yang jadi panutan', maka jelaslah pemikiran Hamka masih relevan dalam kewujudan negara bangsa pada hari ini dalam memurnikan bangsa serumpun di Malaysia dan Indonesia.

NOTA

- ¹ Beliau dilahirkan pada 16 Februari 1908 bersamaan 13 Muharram 1326 Hijrah di Sungai Batang, Kecamatan Tanjung Raya, Tasik Maninjau Sumatera Barat. Meninggal dunia pada 24 Julai 1981 pada usia 73 tahun dengan jawatan terakhirnya sebagai Penasihat Pemimpin Pusat Muhammadiyah.
- ² Antara pengalaman yang berkaitan dengan majalah ialah menyumbang artikel dalam suratkhbar *Pembela Islam* di Bandung, menerbitkan *Majalah Al-Mahdi* di Makassar, mengendalikan penerbitan majalah mingguan *Islam Pedoman Masyarakat* di Medan serta memimpin majalah *Panji Masyarakat*, *Gema Islam* dan *Semangat Islam* semasa zaman pendudukan Jepun.
- ³ A.R Sutan Mansur dianggap orang yang banyak mengajar beliau dalam bidang keagamaan. A.R Sutan Mansur adalah anak murid kepada ayahnya (HAKAM) dan berkahwin dengan kakak Hamka iaitu Fatimah.

- ⁴ Ahmad Khatib al-Minangkabawi adalah khatib dan imam mazhab Shafie di Masjidil Haram dan guru kepada ayahnya. Hamka turut bekerja di percetakan bapa mertua Syeikh tersebut pada 1972 di Mekah yang juga membolehkannya membaca kitab-kitab yang sukar diperoleh di Sumatera.
- ⁵ Syeikh Abu Samah adalah imam Masjidil Haram ketika ini.
- ⁶ Kiyai Haji Agus Salim merupakan salah seorang tokoh besar Indonesia yang kebetulan sedang mengerjakan haji pada tahun yang sama. Hamka mengambil peluang dengan menyediakan dirinya menjadi *khadam* kepada Kiyai tersebut. Hamka mengatakan beliau mendapat 'banyak butir nikmat yang dipilihnya bertaburan dari mulut pemimpin besar itu'.
- ⁷ Kiyai Balai merupakan seorang alim dari Yogya yang sudah 25 tahun tinggal di Mekah.
- ⁸ A.R Sutan Mansur, 1978, hlm.xii.
- ⁹ Perkara ini dicatatkan oleh Zainal Abidin, KH dalam buku *Hamka Di Mata Hati Umat (1983)* dan Solichin Salam dalam *Kenang-kenangan 70 Tahun Buya Hamka (1978)*. Penghargaan yang dimaksudkan adalah mendapat anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah pada 1958 dari Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir dan kemudiannya pengiktirafan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1974.
- ¹⁰ Shamsul Nizar, 2008, hlm.265.
- ¹¹ Kenyataan ini dinyatakan dalam buku tersebut di halaman 208 – 209. Jelasnya apa jua bentuk tulisan dan karangan yang keluar dari mindanya ia adalah jiwa keislaman.
- ¹² Hamka, 2009, hlm.72
- ¹³ Hamka telah dituduh bersekongkol dengan Malaysia ketika perselisihan faham antara Malaysia – Indonesia ketika itu. Beliau ditahan hampir dua tahun iaitu bermula 27 Februari 1964 hingga 21 Januari 1966. Hamka menganggap peristiwa tersebut mempunyai hikmah kerana membolehkannya menulis sesuatu yang amat berguna kepada ummah di Alam Melayu. Ini kerana tafsir berbahasa Melayu itu menggunakan pengalaman teladan dan situasi tempatan serta dianggap sangat relevan kepada masyarakat di rantau ini yang tidak memahami bahasa dan budaya Arab.
- ¹⁴ Pius Pope, 2008, hlm.384.
- ¹⁵ Antara penerbit tempatan yang menerbitkan dan mengedar bahan tulisan dari Indonesia ketika itu adalah *Pustaka Antara*, *Pustaka Melayu Baru*, *Pustaka Nasional (Singapura)*, *Utusan Melayu* dan sebagainya.
- ¹⁶ Boleh dirujuk dalam buku *Hamka Di Mata Hati Umat (1983)* hlm. 268 – 282 dan *Hamka Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu, Menatap Peribadi dan Martabatnya (2010)*.
- ¹⁷ Dr. Rais Yatim ketika itu adalah Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang berucap semasa perasmian seminar 'Serantau Seabad Buya Hamka' pada Januari 2010, di UKM Bangi.
- ¹⁸ Petikan-petikan dari buku *Dari Perbendaharaan Lama*, Bab 4. Bab 4 ini mengandungi 6 bahagian iaitu *Dekat Melaka Akan Jatuh*, *Kota Melaka*, *Usaha Pertama Merebut Melaka*, *Negeri Naning* dan *Burung Terlepas Dari Tangan*.
- ¹⁹ Dr. Burhanuddin Helmi merupakan pemimpin Melayu berketurunan Minangkabau dari Sungai Jambu, Batu Sangkar. Luahan puisi ini mengandungi aspirasi yang sama dengan puisinya pada tahun 1943.

- ²⁰ Sumpah Pemuda memegang kepada slogan iaitu Satu Bangsa, Satu Bahasa, Satu Negara.
- ²¹ Budi Utomo ditubuhkan pada 20 Mei 1908 dan sehingga kini diperingati sebagai Hari Kebangkitan Nasional kerana dianggap organisasi Kebangsaan Indonesia yang pertama.
- ²² Hamka mengemukakan pendapat bahawa bahasa Melayu (Malaysia), bahasa Indonesia, bahasa Brunei asalnya ialah bahasa Melayu. Jelasnya bahasa itu tidak diganti, cuma diberi nama baru berdasarkan kewujudan negara bangsa.
- ²³ Hamka dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Perubatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia kerana dianggap kebanggaan semua rumpun Melayu. Bagaimanapun Republik Indonesia turut mengiktiraf jasa Hamka apabila mengangkatnya sebagai Pahlawan Nasional pada 7 November 2011.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. 2001. Hamka: Hukama Melayu yang ulung. *Dewan Budaya*, Mei : 24-25.
- Abd Rahman Abd Aziz. 2002. *Pemikiran Etika Hamka*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributors.
- Aliyah Hamka. 2011. Hamka: Ulama Nusantara dan Modernitas Pemikiran Islam. Kertas Kerja Seminar Nusantara Buya Hamka. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 8 – 9 Disember 2011.
- Hamka. 1950. *Sejarah Umat Islam di Sumatera*. Medan: Pustaka Nasional.
- Hamka. 1957. *Kenang-kenanganku di Malaya*. Singapura: Setia Darma.
- Hamka. 1963. *Dari Perbendaharaan Lama*. Medan: Pencetak Maju.
- Hamka. 2002. *Dari Hati Ke Hati: Tentang Agama, Sosial, Politik*. Ulang cetak. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hamka. 2009a. *Falsafah Hidup*. Ulang cetak. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Hamka. 2009b. *Kenang-kenangan Hidup*. Ulang cetak. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Hamka. 2009c. *Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor: Sebuah Polemik Agama*. Ulang cetak. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Harmoko, H. 1983. Katakan yang benar walaupun pahit. Dlm. *Hamka Di Mata Hati Umat*, disunting oleh Nasir Tamara, Buntaran Sanusi & Vincent Djauhari, 165-176. Jakarta: Sinar Harapan.
- Ihsanuddin Ilyas, H. 1978. Sekelumit catatan tentang pengalaman terhadap Hamka dalam rangka peringatan usia 70 tahun. Dlm. *Kenang-kenangan 70 Tahun Buya Hamka*. Jakarta: Yayasan Nurul Islam.
- Irfan Hamka. 2010. *Kisah-kisah Abadi Bersama Ayahku Hamka*. Jakarta: Uhamka Press.
- Mochtar Naim. 1978. Catatan dari tiga seminar. Dlm. *Kenang-kenangan 70 Tahun Buya Hamka*. Jakarta: Yayasan Nurul Islam.
- Muttaqien, K.H.E.Z. 1983. Biarkan saya berhenti. Dlm. *Hamka Di Mata Hati Umat*, disunting oleh Nasir Tamara, Buntaran Sanusi & Vincent Djauhari, 207-211. Jakarta: Sinar Harapan.
- Pius Pope. 2008. Khutbahnya menyejukkan hati. Dlm. *Buya Hamka*. Jakarta: Uhamka Press.
- Ridwan Sidi. 2008. Hamka setelah wafat dua dasawarsa. Dlm. *Buya Hamka*. Jakarta: Uhamka Press.
- Rusydi Hamka. 2010. *Hamka Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu: Menatap Peribadi dan Martabatnya*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Sidi Gazalba. 1978. Beberapa peristiwa bersama buya Hamka. Dlm. *Kenang-kenangan 70 Tahun Buya Hamka*. Jakarta: Yayasan Nurul Islam.
- Sutan Mansur, A.R. 1978. *Kata-kata Aluan dalam Kenang-kenangan 70 Tahun Buya Hamka*. Jakarta: Uhamka Press.

Kamarul Baharin A. Kassim
 Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
 Jabatan Muzium Malaysia
 Muzium Negara Malaysia
 Jalan Damansara
 50566, Kuala Lumpur
 MALAYSIA
 E-mail: kamarulk@jmm.gov.my

Asyaari Muhamad, Ph.D.
 Profesor Madya
 Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM
 Bangi, Selangor
 MALAYSIA
 E-mail: asyaari@ukm.edu.my

